

14 JAN 2003

Mahathir-Poligami

NEGERI-NEGERI DIMINTA WARTAKAN SEGERA UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM

PUTRAJAYA, 14 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini meminta kerajaan-kerajaan negeri mewartakan undang-undang keluarga Islam secepat mungkin ke arah menyelesaikan dakwaan berlakunya ketidakseragaman perundangan Islam termasuk yang menyentuh soal poligami.

Perdana Menteri berkata sebenarnya soal penyeragaman tidak timbul malah ia telah selesai memandangkan undang-undang berkenaan sudahpun diterima oleh Majlis Raja-raja.

"Jadi, yang tinggal ialah untuk mewartakan undang-undang ini dan ia akan menjadi undang-undang yang sama bagi semua negeri di Semenanjung serta Sabah dan Sarawak.

"Soal nak diseragamkan itu tidak timbul apabila kita wartakan undang-undang ini," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat khas bagi menyelesaikan kontroversi berhubung poligami dan perundangan keluarga Islam di sini, hari ini.

Kontroversi berhubung poligami timbul apabila Perlis bercadang memudahkan lelaki berpoligami termasuk melonggarkan syarat seperti tidak memerlukan kebenaran isteri pertama.

Dr Mahathir berkata beliau mendapati ini tidak benar dan berlaku salah faham tentang maksud kerajaan negeri Perlis dan laporan yang dibuat oleh akhbar.

"Kerajaan Perlis tidak berhasrat mempermudah poligami tetapi kerajaan Perlis mengikut kehendak ajaran Islam...poligami dibenarkan tetapi bukan digalakkan.

"Tak ada sebenarnya perbezaan pendapat antara kerajaan Perlis atau kerajaan negeri-negeri lain," kata beliau.

Menurutnya pihak berkuasa agama Islam negeri dikatakan baru menerima dokumen mengenai undang-undang setebal tiga jilid itu tiga bulan lepas dan mereka memerlukan sedikit masa untuk menelitinya sebelum diserahkan kepada kerajaan negeri untuk diwartakan.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan akan berunding dengan kerajaan Thailand dan pemimpin-pemimpin Islam di selatan negara itu bagi memastikan hanya orang yang berhak sahaja boleh mengahwinkan pasangan dari Malaysia.

"...dan kita akan iktiraf. Tetapi kalau dikahwinkan oleh mereka yang tidak berhak, kita tak akan terima dia punya sijil perkahwinan," kata beliau.

Dr Mahathir berkata poligami perlu dilaksanakan mengikut kehendak Islam dengan mengambil kira faktor-faktor seperti kemampuan, keadilan serta status wanita yang ingin dikahwini.

"Ini perlu diselesaikan oleh pihak berkuasa. Dan kalau pihak berkuasa yang bertanggungjawab mendapati seseorang itu tidak layak kerana tak mampu dan sebagainya, kebenaran tidak boleh diberikan.

"Inilah pegangan semua negeri, tidak ada masalah," katanya.

Menjawab satu pertanyaan, Perdana Menteri berkata kerajaan juga mahu memastikan kes-kes perceraian diselesaikan dalam tempoh waktu tertentu.

"Kita nak tentukan dalam kes-kes cerai ini masa tertentu ditetapkan. Kalau suami itu tidak hadir...dalam jangka masa tertentu, kita akan jatuhkan keputusan mahkamah," katanya.

Dr Mahathir berharap apabila Undang-undang Keluarga Islam diwartakan dan dilaksanakan kelak, masalah berhubung keluarga Islam akan berkurangan.

Ditanya sama ada beliau menganggap isu poligami selesai, Dr Mahathir berkata: "Saya ingat dah selesai dah. Perlis kata dia tak ada niat nak bagi

mudah perkahwinan (poligami) tapi dalam kes-kes tertentu dia cubalah".

"Di negeri lain pun sama juga, bila kita dah wartakan undang-undang ini, di mana seseorang itu pergi pun syaratnya (untuk berpoligami) sama sahaja," katanya.

Hadir sama dalam mesyuarat itu petang ini ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri-menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim dan Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin, Penasihat Agama kepada Perdana Menteri Tan Sri Abdul Hamid Othman, Menteri Besar Perlis Datuk Seri Shahidan Kassim dan Mufti Perlis Datuk Mat Jahaya Hussin serta wakil dari Kementerian Pembangunan Wanita dan Keluarga.

-- BERNAMA

MAM AFY RHM